

Headline	Lima pembida Projek LSS ketiga meterai perjanjian TNB		
MediaTitle	Utusan Sarawak	Language	Malay
Date	16 Jul 2020	Readership	113,943
Circulation	37,981	Page No	30
Section	EKONOMI	Journalist	N/A
ArticleSize	290 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 5,177		



# Lima pembida Projek LSS ketiga meterai perjanjian TNB

**KUALA LUMPUR:** Lima pembida yang berjaya dalam bidaan Projek Solar Berskala Besar (LSS) Pusingan ketiga telah menandatangani perjanjian pembelian tenaga dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, walaupun syarikat tersebut mengalami kelewatan melaksanakan projek berikutnya Perintah Kawalan Pergerakan, kesemua pembida terbabit dijangka mencapai persetujuan kewangan sebelum akhir tahun ini.

"Bagi memastikan kos penjanaan di bawah program LSS kekal kompetitif dan rendah, kerajaan telah meneruskan proses bidaan terbuka bagi penjanaan tenaga baru di bawah program LSS@MEnTARI.

"Langkah ini adalah selaras dengan dasar perolehan tenaga elektrik kerajaan iaitu mengikut prinsip 'least cost option' (opsyen kos paling kurang) dan

memastikan industri TBB (tenaga boleh baharu) negara dapat bersaing secara sihat," katanya semasa menjawab soalan Ahli Parlimen Bakri, Yeo Bee Yin, pada sesi persidangan Dewan Rakyat semalam.

Dalam laporan sebelum ini, Suruhanjaya Tenaga berakata, empat daripada pembida terbabit telah mengemukakan cadangan merangkumi kemudahan berkapasiti 100 megawatt (MW) manakala pembida kelima melibatkan kapasiti 90MW.

Ia juga menyatakan bahawa langkah bagi 500MW dijangka menerima langganan sedikit.

Satu daripada projek 100MW itu dijangka dibangunkan di Marang, Terengganu, oleh satu konsortium syarikat Jerman ib Vogt dan syarikat tempatan Coara Solar manakala projek 100MW kedua ditawarkan oleh Cypark Resources Bhd dan Impian Bumiria Sdn Bhd.

Projek ketiga 100MW yang

disenaraipendek adalah dirancang di Kerian, Perak oleh konsortium di-terajui syarikat gergasi tenaga Perancis Engie dan syarikat Malaysia TTL Energy Sdn Bhd.

Kemudahan 100MW keempat pula dirancang di Pekan, Pahang

yang telah dikemukakan oleh syarikat tempatan Konsortium Beseri Jaya Sdn Bhd dan unit syarikat Korea Selatan, Hanwha Group di Singapura.

Projek 90MW pula melibatkan pemaju Sepanyol, Solarpack berser-

ta syarikat tenaga bersih tempatan JKH Renewables di Kuala Muda, Kedah.

Harga terendah tenaga solar yang ditawarkan dalam tender tersebut adalah RM0.17777/kwh (kilowatt jam). – Bernama